

Cara cegah krisis moral

Musa: Didikan agama perlu diutamakan

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

IPOH, Jumaat — Datuk Musa Hitam hari ini melahirkan rasa khuatirnya — negara akan terjerumus dalam krisis moral yang boleh menjejaskan kemakmuran rakyat majmuk jika tiada penekanan dalam aspek agama.

Tegas bellau, aspek pendidikan agama perlu ditekankan di kalangan anak-anak sebagai asas penjamin masa depan mereka.

Timbalan Perdana Menteri juga menerangkan bidang pelajaran tidak boleh diserahkan kepada Kerajaan semata-mata tanpa tanggungjawab itu diambil oleh ibubapa sendiri.

Walaupun proses pendidikan itu

Oleh
RAJA AHMAD ZAINUDDIN

terletak di tangan guru-guru, ibubapa tidak boleh menyerahkannya begitu sahaja atau berlepas tangan tanpa mereka sendiri menyedari hakikat sebenar.

Datuk Musa berkata demikian ketika merasmikan Kursus Agama dan Penerangan anjuran Biro Agama Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di Sekolah Latihan Wanita di sini pagi ini.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri, Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani selaku Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Pembangunan Negara dan Luarbandar, Enik Sami Junid, Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustapha Jabar dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Perak, Teh Bijayawati Onn Zariah Abu

Bakar turut hadir.

Menurut Datuk Musa, kegiatan dakwah songang sebenarnya satu proses yang membayangkan kegagalan sedikit sebanyak dalam sistem pendidikan, di samping itu adanya wujud di kalangan masyarakat yang kurang penekanan aspek agama.

Bellau menyebut dakwah sesat di kalangan muda-mudi, sama ada yang sedang belajar di dalam atau luar negeri, kerana mudah terpedaya kepada suasan dan keadaan.

Datuk Musa yang juga Timbalan Presiden UMNO, menegaskan sebagai parti realistik, UMNO tidak harus berikap gentar atau takut, sebaliknya bertindak lebih agresif.

Masanya telah tiba bagi UMNO, parti pendukung Kerajaan, berikap cergas ke hadapan memelopori masyarakat mengonasi peningnya penekanan aspek keagamaan.

Dalam mencapai kemajuan pesat unsur-unsur agama muncul ke hadapan sebagai unsur yang penting ditekankan oleh masyarakat keseluruhannya.

"Kita tidak sanggup dikecam sebagai parti yang tidak ada unsur-unsur agama dan asas perjuangannya."

"Dalam proses pembangunan pesat, agama amatlah penting dan ajaran agama kita jelas menekankan unsur-unsur kemajuan dunia dalam menghidupkan akhira," tambah Datuk Musa.

Mengenal wanita pula, bellau berkata mereka memainkan peranan aktif dan dinamis dalam berbagai-bagai bidang pembangunan keseluruhannya dan patut dipuji.

"Bila disebut Pergerakan Wanita UMNO, secara automatik terbayanglah 'ibu-ibu yang berbadu putih, berkalin merah dan berselewang merah' itu sebuah pasukan tentera yang berjung senyap-senyap, tapi berkesan."

"Sebagai satu kumpulan tentera yang menggunakan alam semula jadi meliputi keperibadian dan cara-cara tersendiri yang lemah lembut, perjuangan mereka juga tidak boleh dinafikan," tambahnya.

Datuk Musa juga bangga dengan pencapaian kaum wanita di bidang pelajaran sama ada di dalam atau luar negeri, di samping jawatan-jawatan penting yang mereka sandang masa ini.

Terdahulu dari itu, Datin Paduka Hajjah Aishah selaku Pengerusi Biro Agama Pergerakan Wanita menerangkan kursus itu untuk meningkatkan lagi pengetahuan ahli-ahlinya dalam aspek keagamaan.

Kira-kira 500 orang peserta menghadiri kursus dua hari itu yang dijangkau-julung kali diumumkan di sini.



■ KALAU dilihat sekali imbas, tidak ada apa-apa perbezaan ke atas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam. Tetapi seri muka bellau agak lain, mungkin kerana kali ini ditemani dan diapit oleh isterinya, Datin Maria (kiri) yang kita tahu telah lama tidak muncul di khalayak ramai. Nampaknya, kehadiran pasangan ini disambut dengan begitu gembira oleh rakyat terutama peserta-peserta kursus agama Pergerakan Wanita UMNO di Ipoh semalam kerana mereka berpeluang melihat kedua pasangan itu beringin. — Gambar Berita Harian oleh Wong Tuck Keong.